



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1978) 1980
DR.3/1980

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1980.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga juta enam ratus lima puluh satu ribu satu ratus sembilan puluh empat ringgit (\$53,651,194) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1978, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1978 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1978, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978) 1979 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1978 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1979.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1978.

Akta A418.

Akta A449.

Akta A457.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Peruntukan.

JADUAL

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan bagi maksud
(1)	(2)	(3)
B. 5 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$ 125,250
B. 6 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi	1,310
B. 29 ...	Kementerian Pelajaran ...	48,005,810
B. 31 ...	Kementerian Luar Negeri ...	1,158,484
B. 35 ...	Kastam dan Eksais Di Raja ...	3,488,350
B. 43 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	174,300
B. 47 ...	Jabatan Penyiaran ...	76,830
B. 55 ...	Kementerian Perhubungan ...	33,710
B. 60 ...	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah	587,150
Jumlah ...		<u>\$53,651,194</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1978 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1978, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978) 1979 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1978 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1979 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1028.]